


Majlis Pelancaran Penjenamaan Baharu &
Sambutan Jubli Perak 25 Tahun

CIDBEC

 **09** Mac
2026

4:30pm - 7:00pm

 Ballroom Hotel Seri Pacific,
Kuala Lumpur

 Tema : Lounge Suit

**UCAPAN PELANCARAN
OLEH YB DATO' Ir. HAJI YUSUF BIN HAJI ABD. WAHAB
PENGERUSI CIDB MALAYSIA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berusaha Tuan Suhaimi bin Mansor,
Pengurus Besar Kanan Sektor Pendaftaran & Akreditasi CIDB Malaysia,

Yang Berusaha Sr Nazir Bin Muhamad Nor,
Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Digital,

Ahli-ahli Lembaga Pengarah CIDB Malaysia dan CIDB Digital,

Rakan-rakan industri, wakil-wakil agensi kerajaan,
serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama berhimpun pada petang ini bagi menyaksikan satu detik penting dalam perjalanan industri pembinaan negara.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi **tahniah kepada CIDB Digital**, teutamanya kepada Sr Nazir Bin Muhamad Nor atas kejayaan menjayakan penjenamaan semula organisasi ini. Penjenamaan ini bukan sekadar perubahan nama. Ia mencerminkan satu langkah ke hadapan dalam memastikan organisasi ini terus relevan dengan perubahan pesat yang sedang berlaku dalam industri pembinaan global.

Sokongan CIDB terhadap Penjenamaan CIDB Digital

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. CIDB Malaysia memberikan sokongan penuh kepada penjenamaan ini. Sebagai badan statutori yang ditubuhkan di bawah **Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)**, CIDB mempunyai mandat untuk membangun, memperkasa serta memodenkan industri pembinaan negara. Dalam melaksanakan mandat tersebut, kita sentiasa mencari pendekatan yang dapat meningkatkan produktiviti, memperkukuh tadbir urus industri serta memastikan sektor pembinaan negara kekal berdaya saing.

4. Penjenamaan kepada CIDB Digital merupakan satu langkah yang amat tepat pada waktunya. Ia mencerminkan komitmen CIDB untuk memastikan transformasi digital dalam industri pembinaan dilaksanakan secara lebih tersusun dan bersepadu. CIDB Digital akan berfungsi sebagai platform yang menyokong usaha CIDB dalam memodenkan industri pembinaan negara melalui pembangunan sistem, platform teknologi serta penyelesaian digital yang dapat meningkatkan kecekapan penyampaian projek.

Kepentingan Pendigitalan Industri Pembinaan

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Industri pembinaan hari ini sedang melalui satu perubahan yang sangat signifikan.
Projek pembangunan semakin kompleks.
Penyelarasan antara pelbagai disiplin semakin mencabar.
Dan keperluan terhadap kecekapan penyampaian projek semakin meningkat.
Dalam persekitaran ini, penggunaan teknologi digital menjadi semakin penting.

6. Pendigitalan membantu meningkatkan ketelusan, memperkukuh penyelarasan maklumat serta membolehkan keputusan dibuat dengan lebih pantas dan berasaskan data. Masa depan industri pembinaan tidak lagi ditentukan semata-mata oleh keupayaan fizikal untuk membina. Sebaliknya, ia akan banyak dipacu oleh keupayaan kita memanfaatkan teknologi dan data dalam setiap peringkat pembangunan projek.

BIM dan Dasar Kerajaan

7. Dalam konteks ini, **Pekeliling Kewangan PK1.15 berkaitan penggunaan Building Information Modelling (BIM)** ada menyebut tentang dasar kerajaan untuk mengoptimumkan penggunaan BIM dalam projek bangunan dan infrastruktur baharu RMK-13. Ini merupakan satu langkah penting oleh kerajaan dalam mempercepat penggunaan teknologi digital dalam sektor

pembinaan. Mandat ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk memastikan projek pembangunan negara dilaksanakan dengan pendekatan yang lebih moden, lebih bersepadu dan lebih telus. Namun kejayaan pelaksanaan BIM memerlukan ekosistem yang kukuh serta sokongan daripada pelbagai pihak dalam industri.

Inisiatif CIDB Memperluas Penggunaan BIM

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Bagi menyokong usaha memperluas penggunaan BIM dalam industri, CIDB turut mengambil langkah proaktif dengan membangunkan rangkaian myBIM Malaysia sebagai platform pembangunan kapasiti digital industri pembinaan negara. Sehingga kini, CIDB telah membangunkan sebuah myBIM Centre di Kuala Lumpur dan 12 myBIM Satellite di seluruh Malaysia, yang berfungsi sebagai pusat latihan, pembangunan kompetensi serta perkongsian teknologi BIM kepada pemain industri pembinaan.
9. Rangkaian ini dibangunkan bagi memastikan akses kepada latihan dan teknologi BIM dapat diperluaskan kepada pemain industri di pelbagai wilayah termasuk di Sabah dan Sarawak, dengan pembangunan kemudahan baharu yang turut melibatkan kawasan seperti Miri serta Bintulu dan Sibul.
10. Keseluruhan pembangunan rangkaian myBIM Malaysia ini melibatkan pelaburan oleh CIDB berjumlah RM19 juta yang merangkumi penyediaan kemudahan makmal BIM, peralatan teknologi serta pembangunan modul latihan berkaitan.

11. Melalui rangkaian ini, CIDB menyasarkan untuk melatih sekurang-kurangnya 2,000 peserta setiap tahun, merangkumi profesional industri pembinaan seperti jurutera, arkitek, juruukur bahan serta kontraktor, bagi memastikan industri kita mempunyai tenaga kerja yang bersedia mengadaptasi teknologi BIM dalam projek pembangunan. Usaha ini merupakan sebahagian daripada komitmen CIDB untuk membangunkan ekosistem pembinaan digital yang lebih kukuh dan inklusif di seluruh negara.
-

Peranan CIDB Digital

12. Dalam usaha memperkukuh agenda pendigitalan industri ini, CIDB Digital akan memainkan peranan yang penting sebagai pemangkin kepada pembangunan teknologi digital dalam sektor pembinaan. Melalui pembangunan platform digital, sistem pengurusan projek serta penyelesaian teknologi yang relevan dengan keperluan industri tempatan, CIDB Digital berpotensi menjadi salah satu pemacu utama kepada pembangunan ekosistem pembinaan digital negara.
 13. Saya percaya bahawa melalui kerjasama yang erat antara CIDB, pemain industri serta rakan strategik, kita mampu mempercepat transformasi industri pembinaan Malaysia ke arah yang lebih moden, lebih cekap dan lebih berdaya saing.
-

Pelancaran Rasmi

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Hari ini bukan sekadar tentang satu penjenamaan baharu. Ia merupakan satu langkah penting dalam perjalanan transformasi industri pembinaan Malaysia.

Dengan adanya CIDB Digital serta pelbagai inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh CIDB, kita bergerak ke arah sebuah industri pembinaan yang lebih moden, lebih cekap dan lebih berasaskan teknologi.

Dengan penuh keyakinan terhadap masa depan industri pembinaan Malaysia, dan dengan lafaz

Bismillahirrahmanirrahim,

saya dengan ini merasmikan penjenamaan semula

CIDB E-Construct Services Sdn. Bhd. kepada

CIDB Digital Sdn. Bhd.

dan seterusnya melancarkan produk Baharu

Digital Construction Management.

Sekian, terima kasih.